

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | |
|-----|-----------------------|--|
| 1.1 | Skim Perkhidmatan | : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) |
| 1.2 | Gred Jawatan | : N1 |
| 1.3 | Kementerian/Jabatan | : Parlimen Malaysia |
| 1.4 | Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| 1.5 | Taraf Jawatan | : Kontrak |

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 2.1 warganegara Malaysia;
- 2.2 berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 2.3 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia (SVM)/ Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 2/3) atau berkelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 3.1 Calon hendaklah **mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat SPM)/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI DAN SKOP BIDANG TUGAS

- 4.1 Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/ komunikasi).

5. CARA MEMOHON

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 5.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 17, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)- [P.U (A) 1/2012].
- 5.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik, dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh **Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 ke atas)**.
- 5.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR
PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)

TARIKH IKLAN : 04 SEPTEMBER 2026 (JUMAAT)

Catatan Am :

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.